



**PERUTUSAN DATUK BANDAR  
MESYUARAT MAJLIS BIL. 8/2024  
30 OGOS 2024 (25 SAFAR 1446H)**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, syukur kepada Yang Maha Esa kerana dengan izin dan limpah-Nya, kita dapat bersua dan berkumpul lagi dalam Mesyuarat Majlis pada edisi kali ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Datuk Bandar, Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan seluruh kakitangan MBPJ serta masyarakat Petaling Jaya kerana telah banyak memberi sokongan, sumbangan idea, pendapat yang bernas dan penyertaan dalam semua aktiviti-aktiviti program yang dianjurkan MBPJ.

Program kemasyarakatan merupakan aktiviti yang akan merapatkan lagi ikatan silaturrahim antara Majlis dan masyarakat. Semoga kerjasama dan kolaborasi yang berterusan ini, dapat meningkatkan lagi

sistem penyampaian perkhidmatan Majlis kepada penduduk dan mendatangkan hasil berimpak tinggi yang memberi manfaat kepada masyarakat.

## 2. **MALAYSIA MADANI : JIWA MERDEKA**

Tanggal 31 Ogos pada setiap tahun merupakan tarikh keramat bagi seluruh rakyat di negara ini. Pada tarikh tersebut merupakan hari yang sangat bermakna buat seluruh rakyat Malaysia kerana pada tarikh itu seluruh rakyat Malaysia menyambut Hari Kebangsaan.

Setiap tahun, negara akan merayakannya dengan pelbagai acara di semua peringkat institusi dan masyarakat. **Malaysia MADANI : Jiwa Merdeka'** telah dipilih tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024.

Perasaan betapa tingginya nilai dan erti kemerdekaan dalam kalangan mereka yang pernah berjuang untuk mencapai kemerdekaan tidak mampu diterjemahkan melalui penulisan ataupun kata-kata. Hanya mereka yang terlibat secara langsung dalam proses kemerdekaan ini dapat merasai perasaan yang sebenarnya betapa tingginya nilai sebuah kemerdekaan yang dikecapi selama 67 tahun yang lalu.

Oleh yang demikian, adalah menjadi satu kewajipan kepada seluruh rakyat Malaysia pada hari ini untuk mempertahankan negara tercinta daripada dijajah kali kedua sama ada penjajah fizikal, minda ataupun sosial.

MBPJ telah melancarkan Majlis Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang 2024 pada 5 Ogos yang lalu. Selaras dengan itu, sebanyak 23 program telah dirangka bersempena dengan Bulan Kebangsaan ke-67 khusus untuk memupuk semangat patriotik. Program-program ini juga turut mendapat sokongan dari Ahli-ahli Majlis MBPJ.

Selari dengan semangat cintakan negara semua agensi, premis perniagaan, kediaman turut dituntut untuk bersama-sama meraikan sambutan Bulan Kebangsaan dengan mengibarkan Jalur Gemilang di premis masing-masing dan menjaga kebersihan dan keceriaan bangunan serta mengindahkan persekitaran dengan pemasangan lampu pada waktu malam. Pengibaran Jalur Gemilang ini adalah untuk menyemarakkan lagi semangat patriotisme dan rasa cinta tanpa berbelah bahagi kepada negara.

Selaku Datuk Bandar, saya ingin mengingatkan agar pengibaran bendera Jalur Gemilang hendaklah berada dalam keadaan baik, tidak lusuh serta yang paling utama adalah dipasang dalam kedudukan yang betul.

### **3. ARAS NILAIAN BAHARU CUKAI TAKSIRAN**

Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 30/2023 pada 6 Disember 2023 telah memutuskan dan mengarahkan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri Selangor untuk melaksanakan semakan semula terhadap senarai nilai sedia ada di PBT masing-masing dan MBPJ tidak terkecuali di dalam proses ini.

Sehubungan dengan itu, Majlis telah mengeluarkan notis senarai nilai baharu kepada semua pemilik harta di Petaling Jaya pada 31 Mei 2024 bagi memaklumkan kepada semua pemilik harta di Petaling Jaya berhubung nilai baharu tersebut dan memaklumkan hak-hak mereka untuk mengemukakan bantahan.

Sehingga tarikh tutup akhir bagi mengemukakan bantahan, Majlis telah menerima 26,000 surat bantahan daripada pemilik harta. Untuk itu, proses selanjutnya berpandukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) adalah untuk Majlis mengadakan sesi pendengaran bantahan daripada pemilik yang mengemukakan bantahan di dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Untuk maksud ini, Majlis telah mula mengeluarkan surat jemputan dan panggilan bagi menghadiri sesi pendengaran bantahan kepada semua pemilik yang mengemukakan bantahan di dalam tempoh yang ditetapkan mulai 14 Ogos 2024 dan sesi ini diadakan secara

berperingkat mengikut kawasan dan zon Ahli Majlis sehingga 10 September 2024. Sesi ini bagi membolehkan pemilik harta menyatakan bantahan masing-masing berhubung senarai nilai baharu Majlis dan segala input yang diperolehi daripada sesi tersebut akan diangkat untuk pertimbangan akhir daripada Kerajaan Negeri.

#### **4. MBPJ KOMITED MENGURUSKAN POKOK BERISIKO DI PETALING JAYA**

Pokok memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan kita. Pokok bukan sahaja mengeluarkan oksigen dan menyerap karbon dioksida, pokok juga menambahkan keindahan dan kesejahteraan dalam persekitaran bandar. Walau bagaimanapun, jika tidak diuruskan dengan baik, pokok juga boleh menjadi ancaman kepada keselamatan awam. Oleh itu, kajian dan pengurusan pokok berisiko adalah suatu keperluan yang tidak boleh dipandang ringan.

Pada 13 Ogos yang lalu, Majlis telah mengadakan Bengkel Pengurusan Pokok Berisiko. Bengkel ini telah berjaya mengumpulkan pelbagai pihak berkepentingan, termasuklah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pakar dalam bidang arborikultur dan Ahli-ahli Majlis. Beberapa garis panduan penting telah dipersetujui untuk diadakan bagi pengurusan pokok berisiko di Petaling Jaya. Antara garis panduan tersebut termasuklah:

- a) **Penyediaan Persekitaran Yang Selamat** – Memastikan pokok-pokok yang berisiko dikenalpasti dan diuruskan dengan baik untuk mengelakkan sebarang kemalangan atau kerosakan harta benda.
  
- b) **Penambahbaikan Pengurusan Pokok Dan Landskap Secara Berterusan** – Mengadakan latihan dan bengkel berkala untuk kakitangan Majlis serta menggunakan teknologi terkini dalam pengurusan pokok.
  
- c) **Pengurangan Tuntutan Perundangan Dan Ganti Rugi** – Dengan pengurusan yang lebih baik, kita dapat mengurangkan risiko tuntutan perundangan dan ganti rugi akibat kemalangan yang melibatkan pokok.
  
- d) **Pengurangan Kemalangan Jiwa Dan Kerosakan Harta Benda** – Dengan langkah-langkah pencegahan yang lebih berkesan, kita dapat mengurangkan risiko kemalangan dan kerosakan.
  
- e) **Peningkatan Kesedaran Orang Awam** – Mengadakan kempen kesedaran dan pendidikan kepada orang awam mengenai pentingnya pengurusan pokok berisiko.

Bengkel ini juga turut membangunkan beberapa prosedur penting untuk memastikan pengurusan pokok berisiko dilakukan dengan lebih sistematik dan efisien. Prosedur-prosedur tersebut termasuklah:

- i. **Prosedur Mengenal Pasti Pokok Bahaya** – Kaedah dan teknik untuk mengenalpasti pokok-pokok yang berisiko tinggi.
- ii. **Prosedur Pemeriksaan Dan Analisa Risiko Pokok** – Langkah-langkah pemeriksaan dan analisa yang perlu dilakukan untuk menilai tahap risiko pokok.
- iii. **Prosedur Menentukan Rawatan Risiko Pokok** – Tindakan yang perlu diambil untuk mengurus dan merawat pokok-pokok yang berisiko.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya amat menghargai kerjasama dan penglibatan semua pihak dalam berkongsi idea yang bernas dalam bengkel ini. Melalui sesi ini, Majlis telah mendapat input yang berharga dan berkongsi idea yang membina ke arah menyediakan pelan pengurusan pokok berisiko yang lebih baik dan inklusif.

## 5. PELAKSANAAN DAN PENGGUNAAN SISTEM e-TANAH DAN TATACARA PELAKSANAAN PROJEK USAHA SAMA AWAM-SWASTA

Pada masa ini, MBPJ sedang mengambil beberapa pendekatan berkaitan dengan pengurusan dan pembiayaan kewangan dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan termasuk penyediaan kemudahan masyarakat, antaranya dengan menjalinkan kerjasama dengan syarikat swasta sama ada pembangunan yang melibatkan tanah dan bangunan milik Majlis atau tanah Kerajaan Negeri.

Pelaksanaan projek penswastaan secara *request for proposal* (RFP) merupakan praktis semasa yang bertujuan untuk membantu Majlis menilai dan memilih cadangan terbaik yang dikemukakan oleh pihak swasta. Seterusnya, ia dapat membantu menjimatkan kos yang perlu ditanggung Majlis dan pada masa yang sama boleh memberi sumbangan hasil sama ada dalam bentuk cukai, lesen, sewaan, wang tunai atau secara serahan premis.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek penswastaan ini perlu dilaksanakan secara teliti dan teratur mengikut tatacara yang ditetapkan termasuk pengurusan perihal tanah bagi memastikan objektif yang disasarkan tercapai dan kepentingan Majlis serta Kerajaan Negeri terjamin.



Selaras dengan itu, Majlis telah mengadakan bengkel e-Tanah bertujuan untuk menambah baik tatacara pelaksanaan projek kerjasama awam swasta di peringkat Majlis melalui penandaarasan dan perkongsian amalan baik dengan agensi di peringkat Persekutuan, Negeri dan PBT lain. Antara agensi yang terlibat dan membuat pembentangan ialah:

- a) Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri (JPM)
- b) Seksyen Makro Dan Penswastaan, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor
- c) Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT)
- d) Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG)

Bermula 30 Oktober 2023, pengurusan tanah di Pejabat-Pejabat Tanah Daerah dan Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor seperti membuat carian rasmi, permohonan pindah milik, kaveat, pelupusan tanah kerajaan secara lesen menduduki sementara, perizaban atau pajakan, bayaran cukai tanah/ petak dan lain-lain perlu dibuat secara atas talian menggunakan **aplikasi Sistem e-Tanah**.

Sebagai aplikasi baharu, terdapat keperluan di peringkat Majlis untuk memberikan pendedahan, meningkatkan pemahaman dan kemahiran di kalangan kakitangan di dalam penggunaan sistem tersebut.

la bertujuan untuk memastikan tugas-tugas berkaitan dapat berjalan lancar termasuk dalam hal-hal yang berkaitan dengan perancangan, pembangunan, penyediaan dokumentasi bagi tindakan penguatkuasaan dan kes-kes mahkamah, pengurusan projek-projek pembangunan dan sebagainya. Sesi tutorial penggunaan Sistem e-Tanah ini dikendalikan oleh Bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor.

## **6. PREMIS DAN KETERJAMINAN KEBERSIHAN MAKANAN**

Pemeriksaan premis makanan merupakan satu aktiviti rutin bagi memastikan tahap kebersihan premis berada pada tahap yang baik dan keselamatan makanan terjamin. Kawalan kebersihan pemis makanan juga perlu dipantau dari semasa ke semasa bagi mengurangkan risiko pencemaran makanan dan penularan penyakit, memastikan pelanggan tidak terdedah makanan yang sudah tercemar dan terdedah kepada bahaya yang boleh memudaratkan kesihatan.

Kebersihan premis akan membantu mengekalkan kualiti, memastikan rasa dan kesegaran makanan yang konsisten. Ini penting bagi memastikan makanan yang dibeli dan dimakan adalah terjamin bersih dan selamat. Selain dari memastikan makanan yang diambil mengandungi nutrisi yang sihat dan berzat serta kandungan yang diperlukan tubuh, kita juga bertanggungjawab memastikan makanan adalah bersih serta disediakan di tempat yang higienik serta

mengamalkan sistem yang disyorkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pengendali makanan juga perlu mempunyai sikap dan tatacara yang higienik. Ini termasuklah memakai apron dan penutup kepala ketika mengendali makanan, tidak menggaru hidung atau bahagian badan, sentiasa menjaga kebersihan kuku dan sentiasa mengamalkan etika batuk dan bersin. Pengendali yang didapati meludah merata-rata merupakan petunjuk tidak higienik dan perlu dielakkan untuk kita makan di premis makanan atau membeli makanan darinya.

Bagi aktiviti kawalan dan penguatkuasaan premis makanan yang telah dilaksanakan sehingga bulan Julai 2024, sebanyak 623 buah premis makanan telah diperiksa. Daripada jumlah tersebut, 317 premis makanan telah digredkan A (86 % ke atas). Manakala sebanyak 73 buah premis makanan (12 %) telah ditutup di bawah kesalahan seperti premis tidak sanitasi dan beroperasi tanpa lesen.

Majlis juga akan melaksanakan program penganugerahan **Anugerah Premis Bersih** kepada pengusaha premis makanan sebagai insentif untuk usaha mereka dalam memastikan tahap kebersihan dan keselamatan makanan yang tinggi. Objektif utama program ini adalah:

- a) **Memberi Pengiktirafan:** Memberikan pengiktirafan kepada pemilik dan pengusaha premis makanan yang berjaya mengekalkan tahap kebersihan premis masing-masing.
  
- b) **Mempertingkatkan Pengetahuan:** Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran pemilik, pengusaha, serta pengendali premis makanan mengenai aspek kebersihan dan keselamatan makanan.
  
- c) **Meningkatkan Kesedaran Awam:** Meningkatkan kesedaran orang awam tentang kepentingan memilih premis makanan yang bersih dan memastikan keselamatan makanan yang terjamin.

Pengguna dan pengendali makanan saling memerlukan antara satu sama lain. Dalam dunia pekerjaan yang mana individu tidak sempat menyediakan makanan sendiri, sebahagian besar kita mengharapkan perkhidmatan pengendali makanan untuk menyediakan makanan berkualiti yang bersih dan selamat.

Dalam masa yang sama, pengendali makanan juga perlu bertanggungjawab memastikan proses penyediaan dan tempat menyediakan makanan juga terjamin kebersihan dan keselamatannya untuk memastikan pengguna terlindung dari bahaya penyakit bawaan makanan.

## 7. CEGAH AEDES DAN DENGGI TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Permasalahan denggi masih merupakan isu yang perlu ditangani secara serius di negara kita. Dari tahun ke tahun, tidak ada petunjuk yang jelas sama ada jangkitan oleh nyamuk Aedes itu mampu ditamatkan atau pun tidak.

Biarpun ada ketikanya terdapat kes penurunan, namun kehadiran faktor-faktor tertentu seperti kebersihan alam sekitar tidak baik, adanya hujan, kewujudan kawasan pembiakan dan perubahan jenis virus denggi telah menyebabkan ia kembali melonjak.

Situasi semasa kes demam denggi bagi kawasan pentadbiran MBPJ yang dilaporkan pada minggu epidemiologi 28/2024 (07/07/2024 – 13/07/2024) adalah sebanyak 133 kes. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang dilaporkan sebanyak 4,220 kes.

Keadaan ini menunjukkan penurunan kes denggi sebanyak 1 peratus berbanding minggu epidemiologi sebelumnya (27/2024). Terdapat satu kes kematian di Apartment Permai PJU 3 pada bulan Mei yang telah dibuat pengesahan pada bulan 6/2024.

Bagi jumlah kes demam denggi bagi 3 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam Daerah Petaling (1 Januari 2024 sehingga 13 Julai 2024) adalah seperti berikut, Majlis Bandaraya Subang Jaya (5,543 kes), Majlis

Bandaraya Petaling Jaya (4,220 kes) dan Majlis Bandaraya Shah Alam (3,892 kes).

Pada bulan Julai, hasil kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Petaling bersama penduduk, Majlis telah melaksanakan bulan gotong-royong bagi membasmi pembiakan jentik-jentik nyamuk aedes. Program gotong-royong denggi dijalankan bagi memupuk kesedaran dikalangan orang awam tentang bahaya denggi terutamanya di kalangan kanak-kanak kecil. Dengan gotong-royong ini adalah diharapkan sedikit sebanyak dapat membantu membersihkan kawasan yang boleh membawa kepada pembiakan nyamuk Aedes, pembawa demam denggi.

Melalui usaha gabungan ini, kedua-dua pihak iaitu MBPJ dan PKD berhasrat untuk memberi kesedaran berterusan kepada masyarakat Petaling Jaya khasnya di kawasan *hotspot* denggi untuk mengambil langkah proaktif dalam mengekalkan persekitaran yang lebih bersih dan sekali gus dapat mencegah penularan kes demam denggi. Tanggapan tanggungjawab pencegahan dan kawalan sebagai milik KKM / PKD / PBT sahaja perlu diperbetulkan. Demikian juga dengan tanggungjawab membersihkan sampah sarap di lapangan kerana ianya memerlukan perhatian, sokongan, tindakan dan kerjasama semua.

**Sekian, terima kasih.**